

GMI, UMP perkukuh kerjasama akademik

» Tawar dua program ijazah dalam tempoh pengajian dua setengah tahun

German-Malaysian Institute (GMI) yang ditubuhkan sejak tahun 1992 melakar satu lagi sejarah tersendiri apabila menandatangani perjanjian (MoA) dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini di sebuah hotel terkemuka di ibu negara.

Perjanjian itu ditandatangani Naib Canselor UMP Profesor Dato' Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim dan Pengarah Urusan GMI, Yusoff Md Sahir.

Yusoff berkata, perjanjian yang dimeterai membabitkan penawaran dua program peringkat ijazah iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan) dan Sarjana Muda Teknologi Kejurute-

raan (Elektrikal) bermula September 2014.

"Program ini dijalankan secara luar pesisir dan khusus untuk pelajar lepasan diploma sahaja di mana mereka diberi pengecualian kredit maksimum dan membolehkan pelajar menamatkan pengajian peringkat ijazah selama dua setengah tahun sahaja," katanya.

Sebanyak 36 pengecualian kredit (Elektrikal) dan 37 pengecualian kredit (Pembuatan) diberikan kepada pelajar.

Jalinan kerjasama sebegini memberi kelebihan kepada pelajar kerana mereka boleh meneruskan pengajian ijazah di GMI tanpa beralih ke institusi lain (sebaik tamat diploma di GMI) dan boleh menggunakan fasiliti kejuruteraan moden yang sedia ada di GMI.

Beberapa pelajar yang ditemui menyatakan kegembiraan mereka kerana boleh terus berada di kampus GMI untuk peringkat pengajian seterusnya.

"Saya sangat berbangga dan

bertuah apabila dipilih sebagai salah seorang pelajar sulung untuk program ini.

"Seminggu menjalani orientasi di dua kampus iaitu di GMI dan UMP adalah satu pengalaman baharu yang membuat saya lebih teruja kerana ia dipenuhi pelbagai aktiviti yang berfaedah dan dalam minggu ini juga mereka banyak menerangkan protokol untuk menjadi seorang siswazah yang baik," kata Farhana Mohd Rosli yang juga salah seorang dari lapan pelajar wanita yang terpilih ke program ijazah pesisir ini.

Bangga bersaing rakan lelaki
Rakannya, Nur Afiqah Mohd Nazari berkata, mereka berbangga terpilih untuk sama-sama berganding bahu dengan rakan lelaki kerana katanya tiada yang mustahil untuk mereka melaksanakan tugas itu.

Sementara itu, seorang pelajar yang turut terpilih mengikuti program ijazah pesisir GMI-UMP ini, Ahmad Faiz Che Razali



Ahmad Faiz Che Razali



Farhana Mohd Rosli

yang berasal dari Kelantan, pada mulanya tidak yakin dengan program yang ditawarkan tambahan lagi ia adalah program baharu.

Menurutnya, beliau mendapatkan penerangan lanjut dari GMI dan juga ke laman web UMP.

"Selepas maklumat lengkap diperolehi, saya yakin ini adalah program untuk saya kerana kursus yang ditawarkan hanya dua setengah tahun berbanding di institusi lain yang mengambil masa minimum tiga tahun untuk peringkat ijazah. Tempoh ini membuka peluang saya untuk menyambung cita-cita saya ke peringkat PhD dengan lebih cepat," katanya.

Beliau juga menambah yang pinjaman boleh ubah MARA yang disediakan untuk pelajar juga menjadi satu lagi bonus untuk beliau memilih program ini.

Program berteknologi tinggi
Maklumat lanjut, lawati www.gmi.edu.my atau hubungi 03-8921 9191/9344. GMI ditubuhkan pada Julai 1992 dan terletak di pinggir bandar Kajang, hanya 25 minit perjalanan dari pusat bandar raya Kuala Lumpur. GMI menawarkan program latihan berteknologi tinggi di bawah dua jabatan iaitu Jabatan Teknologi Pengeluaran dan Elektronik Industri.

GMI juga satu-satunya institusi di Malaysia yang menawarkan pengajian peringkat ijazah di lebih 50 rangkaian Universities of Applied Science UAS di Jerman menerusi program German A-Level Preparatory Program.

Untuk keterangan lanjut tentang program kami, sila lawati laman web www.gmi.edu.my atau hubungi 03 8921 9191 / 03 8921 9000.